

SH 17/9/2019 M/S 32

Nelayan Terengganu masih ke laut

Miliki peralatan keselamatan, patuh arahan pihak berkuasa

KUALA TERENGGANU

Cuaca jerebu tidak menghalang nelayan di negeri ini ke laut kerana memiliki peralatan keselamatan yang mencukupi, kata Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kemasik, Abdul Ghani Ismail.

Beliau berkata, selain perlu ke laut kerana ia memberi punca pendapatan, mereka juga mempunyai peralatan yang mencukupi serta sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa.

“Walaupun hasil tangkapan berkurangan se-

hingga 50 peratus, semangat nelayan tetap tidak terjejas dengan cuaca berjerebu, cuma kita sentiasa saling mengingatkan agar nelayan tetap mengutamakan keselamatan ketika berada di laut.

“Macam saya sendiri tetap turun ke laut selepas subuh pagi walaupun hari ini cuaca jerebu di Kemaman agak teruk. Yang penting sentiasa peka dengan perubahan di sekeliling dan pastikan alat keselamatan serta komunikasi berada dalam keadaan baik sebelum turun ke laut,” katanya.

Mengikut data sistem Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), hanya dua stesen bacaan di Terengganu merekodkan kualiti udara tidak sihat iaitu di Kemaman (135) dan Paka (110) pada jam 12 tengahari semalam.



Jerebu yang melanda Terengganu tidak menghalang nelayan untuk turun ke laut.

Abdul Ghani yang turun ke laut bersama empat nelayan lain menggunakan bot fiber berukuran 30 kaki itu hanya menangkap ikan di sekitar lima batu nautika dari pantai.

“Bagaimanapun, masih ada nelayan yang mencedat sotong menggunakan

bot fiber lebih kecil yang berukuran 16 kaki atau 18 kaki berani turun ke laut dalam keadaan berjerebu. Semuanya atas keberanian masing-masing,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Pembangunan Desa negeri,

Dr Azman Ibrahim berkata, secara tradisinya, nelayan akan membuat keputusan untuk turun ke laut mengikut ‘kemampuan dan keupayaan’ sendiri sekiranya keadaan agak berisiko kepada mereka.

“Cuma saya berharap mereka pastikan Sistem

Penentuan Global (GPS) dan sistem sonar berfungsi dengan baik sebelum turun ke laut dan sentiasa berkomunikasi dengan rakan nelayan lain atau ahli keluarga bagi memastikan kedudukan dan keadaan mereka,” katanya. - Bernama